

MODEL BAHARU PENANGGUHAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA, RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH & IJAZAH TINGGI

BIL.	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
1.	URUS SETIA	Seksyen Data dan Rekod, Jabatan Pendaftar	Seksyen Data dan Rekod, Jabatan Pendaftar	Institut Pengajian Siswazah
2.	ISTILAH	Penangguhan Pengajian	Sama	Sama
3.	DEFINISI/ KETERANGAN	<p>1. Penangguhan Pengajian adalah kelulusan yang diberikan kepada pelajar Ijazah Pertama (Sepenuh Masa) yang memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti pengajian secara formal termasuk peperiksaan untuk satu semester bagi setiap permohonan kecuali pelajar Pusat Pengajian Sains Perubatan dan Pusat Pengajian Sains Pergigian yang perlu memohon Penangguhan Pengajian untuk dua semester sekaligus.</p> <p>2. Tempoh maksimum kelulusan Penangguhan Pengajian adalah Empat (4) Semester</p>	<p>1. Penangguhan Pengajian adalah kelulusan yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti pengajian secara formal (termasuk peperiksaan) bagi sepanjang satu Sidang Akademik,</p> <p>2. Tempoh maksimum kelulusan Penangguhan Pengajian adalah tiga (3) sidang berturut-turut.</p>	<p>1. Penangguhan Pengajian adalah kelulusan yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti pengajian secara formal (termasuk peperiksaan) untuk suatu tempoh tertentu yang dibenarkan.</p> <p>2. Tempoh maksimum kelulusan Penangguhan Pengajian adalah 2 semester untuk program Mod Penyelidikan, Kerja Kursus dan Campuran (Sepenuh Masa dan Sambilan).</p>
4.	KETERANGAN AM	<p>1. Pengiraan Semester. Semester yang berkenaan tidak diambil kira dalam jumlah minimum dan maksimum semester untuk keperluan pengijazahan.</p> <p>2. Status dan Taraf Pelajar. Status pelajar ialah Penangguhan Pengajian dengan Taraf Tidak Aktif. (Pelajar perlu membayar Yuran Pengekalan Pendaftaran untuk mengekalkan namanya di dalam senarai Pelajar Berdaftar).</p>	<p>1. Pengiraan Sidang. Sidang yang berkenaan tidak diambil kira dalam jumlah minimum dan maksimum sidang untuk keperluan pengijazahan.</p> <p>Sama</p>	<p>1. Pengiraan Semester. Semester berkenaan tidak diambil kira dalam tempoh pencalonan.</p> <p>Sama</p>

	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
5.	(SAMBUNGAN) KETERANGAN AM	<p>3. Kelayakan Untuk Sesi Pengajaran dan Pembelajaran.</p> <p>Pelajar Tidak Dibenarkan Mengikuti Sebarang Aktiviti Akademik dan Penyelidikan.</p>	Sama	Sama
		<p>4. Kelayakan Menggunakan Kemudahan Universiti.</p> <p>Pelajar berkelayakan untuk mendapatkan kemudahan seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Kesihatan II. Perpustakaan III. Pengangkutan IV. Kebajikan V. Sukan 	Sama	Sama
		<p>5. Mewakili Universiti</p> <p>Pelajar Berstatus Tidak Aktif adalah Tidak Layak untuk mewakili universiti dalam acara sukan, perwakilan pelajar dan sebagainya semasa didalam tempoh Penangguhan Pengajian <u>kecuali</u> atas kes-kes khas.</p>	Sama	Sama
		<p>6. Liabiliti kepada Universiti dari Aspek Perundangan.</p> <p>Universiti masih punyai liabiliti/ tanggungjawab terhadap pelajar yang sedang di dalam Penangguhan Pengajian selagi pelajar berkenaan masih berstatus Pelajar Berdaftar Universiti,</p>	Sama	Sama

BIL.	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
6.	<p>PERATURAN KEWANGAN</p> <p>NOTA:-</p> <p>Pada 1 September 2016 Naib Canselor memutuskan peraturan kewangan ini hanya perlu diusulkan kepada beliau oleh Jabatan Bendahari dan diuruskan secara pentadbiran.</p> <p>Usul ini tidak perlu dimajukan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan.</p>	<p>Peraturan kewangan dikenakan mengikut syarat berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan yang dibuat sebelum semester bermula sehingga minggu ke 2 tidak dikenakan Yuran Pengajian. Pelajar hanya perlu membayar Yuran Pengekalan Pendaftaran untuk melayakkannya kekal sebagai pelajar berdaftar. 2. Minggu Ke 3 – 9 Pelajar dikenakan Yuran Pengekalan Pendaftaran manakala Yuran Pengajian akan dikenakan dengan kadar separuh. 3. Minggu Ke 10 Hingga Minggu Terakhir Semester Pelajar akan dikenakan Yuran Pengekalan Pendaftaran dan Yuran Pengajian dengan kadar penuh. 	<p>Peraturan kewangan dikenakan mengikut syarat berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tarikh kuat kuasa pemulaan Penangguhan Pengajian (bagi tujuan penetapan yuran) adalah sama dengan tarikh penerimaan Borang Penangguhan Pengajian (BPP). 2. BPP yang diterima sebelum sidang bermula (minggu pendaftaran kursus), pelajar akan dikecualikan Caj Yuran Pengajian dan Yuran Modul (sekiranya berkaitan) untuk sidang berikutnya. 3. BPP yang diterima setelah sidang bermula dan sebelum Kursus Intensif tamat, pelajar akan dikenakan caj separuh Yuran Pengajian. 4. BPP yang diterima selepas tamat kursus intensif, maka caj penuh Yuran Pengajian dan Yuran Modul akan dikenakan kepada pelajar. 	<p>Peraturan kewangan dikenakan mengikut syarat berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan yang dibuat sebelum semester bermula sehingga minggu ke 2 tidak dikenakan Yuran Pengajian. Pelajar hanya perlu membayar Yuran Pengekalan Pendaftaran untuk melayakkannya kekal sebagai pelajar berdaftar. 2. Minggu Ke 3 – 9 Pelajar dikenakan Yuran Pengekalan Pendaftaran manakala Yuran Pengajian akan dikenakan dengan kadar separuh. 3. Minggu Ke 10 Hingga Minggu Terakhir Semester Pelajar akan dikenakan Yuran Pengekalan Pendaftaran dan Yuran Pengajian dengan kadar penuh.
7.	<p>PELAJAR YANG LAYAK MEMOHON</p>	<p>Pelajar Ijazah Pertama Sepenuh Masa sahaja.</p>	<p>Semua pelajar yang berstatus aktif dalam sesuatu sidang akademik semasa atau pelajar yang sedang menanggung pengajian.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar yang mengikuti program mod penyelidikan dan ingin memohon Penangguhan Pengajian hendaklah terlebih dahulu telah memenuhi keperluan penyampaian satu seminar jika kemasukannya mensyaratkan demikian di Pusat Pengajian melainkan atas alasan perubahan atau hal-hal peribadi yang terdesak. (Senat ke-86, 18 April 1990)

BIL.	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
	(SAMBUNGAN) PELAJAR YANG LAYAK MEMOHON	-	-	2. Pelajar yang mengikuti program Mod Kerja Kursus dan Campuran yang ingin memohon Penangguhan Pengajian dikehendaki mendaftarkan diri terlebih dahulu dan mengikuti pengajian sekurang-kurangnya tempoh satu (1) semester melainkan atas sebab-sebab, kesihatan atau hal peribadi yang terdesak. (LPSU ke 113, 14 Januari 1994)
8.	TEMPOH MAKSIMUM PENANGGUHAN PENGAJIAN	Empat (4) Semester termasuk Pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Perubatan dan Sains Pergigian. (Pelajar Pusat Pengajian Sains Perubatan dan Pusat Pengajian Sains Pergigian perlu mengambil 2 semester sekaligus setiap Penangguhan Pengajian memandangkan sistem pengajiannya adalah sistem penggal)	1. Tiga (3) sidang berturut-turut. Setelah cukup tiga sidang berturut-turut pelajar wajib mengaktifkan status dengan membayar ke semua yuran tertunggak (jika ada) dan mengikut pengajian semula pada sidang seterusnya. 2. Jumlah Penangguhan Pengajian tidak terbatas sekiranya pelajar tidak menangguh pengajian tiga kali berturut-turut namun tahun pengajian tidak boleh melebihi tempoh pemastautinan maksimum 12 tahun pengajian.	Maksimum 2 semester (Sepenuh Masa dan Sambilan) bagi Mod Penyelidikan, Kerja Kursus dan Campuran.
9.	TARIKH AKHIR PERMOHONAN	Minggu Kesembilan (9) Pengajian mengikut kalendar akademik universiti. <u>Kecuali</u> sebab Kesihatan/ Kes Khas.	Pelajar layak memohon untuk sidang akademik berkenaan pada bila-bila masa sebelum 30 April tahun berkenaan.	Minggu Kesembilan (9) Pengajian mengikut kalendar akademik universiti. <u>Kecuali</u> sebab Kesihatan/ Kes Khas.

BIL.	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
10.	KATEGORI/SEBAB PERMOHONAN	<p>1. Kesihatan</p> <p><u>Keperluan khusus</u></p> <p>I. Perakuan / laporan Doktor Perubatan.</p> <p>2. Peribadi.</p> <p><u>Keperluan khusus</u></p> <p>I. Kes Khas (Laporan Penasihat Akademik atau kaunselor).</p> <p>II. Bagi Kes Perubatan Alternatif, perakuan Kaunselor diperlukan untuk mengesahkan bahawa pelajar perlu mendapatkan rawatan alternatif.</p> <p>3. Akademik.</p> <p>Perkara berkaitan akademik yang memberi kesan kepada pengijazahan pelajar</p> <p>Contohnya Kursus untuk keperluan pengijazahan tidak ditawarkan / Penukaran Program Pengajian/KSCP/Pelajar yang diterima masuk semula selepas rayuan.</p>	<p>1. Kepentingan perkhidmatan dengan perakuan majikan.</p> <p>2. Masalah kesihatan sendiri dengan sokongan laporan perubatan oleh pakar perubatan.</p> <p>3. Masalah kesihatan ahli keluarga terdekat dengan sokongan/tanpa sokongan laporan perubatan oleh Pakar Perubatan.</p> <p>4. Masalah keluarga (selain masalah kesihatan).</p> <p>5. Masalah kewangan</p>	<p>1. Kesihatan</p> <p><u>Keperluan khusus</u></p> <p>I. Perakuan / laporan Doktor Perubatan</p> <p>2. Peribadi.</p> <p><u>Keperluan khusus</u></p> <p>I. Kes Khas (Laporan Penyelia atau kaunselor).</p> <p>II. Bagi Kes Perubatan Alternatif, perakuan Kaunselor diperlukan untuk mengesahkan bahawa pelajar perlu mendapatkan rawatan alternatif.</p> <p>3. Akademik.</p> <p>Perkara berkaitan akademik yang memberi kesan kepada pengijazahan pelajar</p> <p>Contohnya Kursus untuk keperluan pengijazahan tidak ditawarkan/ Penukaran.</p>

BIL.	PERKARA	IJAZAH PERTAMA	RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	IJAZAH TINGGI
11.	KELULUSAN	Dekan Pusat Pengajian / Pengarah dengan perakuan Penasihat Akademik	Dekan Pusat Pengajian / Pengarah dengan perakuan Penasihat Akademik	Dekan Pusat Pengajian / Pengarah dengan perakuan Penyelia
12.	PELAPORAN STATISTIK	1. Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat Institut 2. Senat	1. Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat Institut 2. Senat	1. Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat Institut 2. Senat
13.	TARIKH KUATKUASA	Sidang Akademik 2016/2017 (Akan diputuskan sebaik sahaja kelulusan berkaitan kewangan diperolehi daripada pihak universiti)	Sama	Sama
14.	PROSEDUR RAYUAN APABILA PENANGGUHAN PENGAJIAN TIDAK DILULUSKAN	1. Rayuan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada TNC Akademik & Antarabangsa (A&A) setelah mendapat perakuan Dekan/Pengarah. 2. Sekiranya rayuan tidak berjaya/tidak Diluluskan, pelajar perlu meneruskan pengajian seperti biasa.	1. Rayuan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada TNC A&A setelah mendapat perakuan Dekan/Pengarah. 2. Sekiranya rayuan tidak berjaya/tidak diluluskan, pelajar perlu meneruskan pengajian seperti biasa.	1. Rayuan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada TNC A&A setelah mendapat perakuan Dekan/Pengarah Pengajian /Pusat/ Institut. 2. Sekiranya rayuan tidak berjaya/tidak diluluskan, pelajar perlu meneruskan pengajian seperti biasa.
15.	PROSEDUR PEMBATALAN PENANGGUHAN PENGAJIAN YANG TELAH DILULUSKAN	1. Pembatalan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada Dekan/Pengarah. 2. Sekiranya Pembatalan Penangguhan Pengajian tidak diluluskan, pelajar perlu meneruskan Penangguhan Pengajian seperti biasa. 3. Pembatalan Penangguhan Pengajian hanya boleh dilakukan selewatnya pada minggu keempat (4) sahaja.	1. Pembatalan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada Dekan PPPJJ. 2. Sekiranya Pembatalan Penangguhan Pengajian tidak diluluskan, pelajar perlu meneruskan Penangguhan Pengajian seperti biasa. 3. Pembatalan Penangguhan Pengajian hanya boleh dilakukan sebelum Kursus Intensif bermula.	1. Pembatalan Penangguhan Pengajian boleh dikemukakan kepada Dekan/Pengarah Pengajian/Pusat/Institut. 2. Sekiranya Pembatalan Penangguhan Pengajian tidak diluluskan, pelajar perlu meneruskan Penangguhan Pengajian seperti biasa. 3. Pembatalan Penangguhan Pengajian hanya boleh dilakukan selewatnya pada minggu keempat (4) sahaja.